

Geografi (942)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 15 151 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 68.13%, iaitu meningkat sebanyak 0.97% berbanding dengan pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	4.12	4.93	9.06	10.81	12.27	14.37	12.57	6.27	6.90	4.97	13.73

RESPONS CALON

KERTAS 942/1 (ALAM SEKITAR FIZIKAL)

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu soalan Alam Sekitar Fizikal pada tahun 2011 adalah baik. Kertas soalan ini menepati taksonomi kertas berkaitan. Kertas soalan ini mengekalkan soalan yang menguji konstruk kefahaman sebanyak lebih kurang 25%, konstruk analisis dan aplikasi lebih kurang 50%, dan konstruk sintesis lebih kurang 25%.

Antara kelemahan yang terdapat dalam jawapan calon termasuklah:

- (a) Calon masih tidak faham tentang arahan soalan, iaitu bagi soalan yang hanya perlu dijawab salah satu soalan sahaja, calon menjawab kedua-dua soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang umum menyebabkan huraian yang diberikan tidak lengkap.
- (c) Calon kurang memahami istilah, menyebabkan mereka tidak mendapat markah yang baik.
- (d) Calon tidak dapat menulis ayat yang gramatis, banyak ayat yang tergantung dan berulang.
- (e) Calon tidak dapat menjelaskan sesuatu istilah atau konsep dengan tepat.
- (f) Calon memberikan jawapan yang panjang untuk markah yang sedikit.
- (g) Calon tidak dapat memberikan contoh yang betul.
- (h) Calon mentafsir kehendak soalan dengan salah.
- (i) Calon tidak merangka jawapan dengan baik.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *sistem bermorfologi*. Majoriti calon tidak mengemukakan definisi yang tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah pelbagai elemen fizikal yang bergabung untuk membentuk satu sistem fizikal yang beroperasi dalam sempadan tertentu.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga sistem bermorfologi, iaitu sistem terbuka, sistem tertutup, dan sistem terpencil. Tidak ramai calon yang memberikan jawapan yang baik berserta dengan

gambar rajah yang betul. Ramai calon keliru dengan jisim/bahan dan tenaga yang terlibat dalam ketiga-tiga sistem tersebut. Huraian calon tentang sistem terbuka sepatutnya ialah pertukaran kedua-dua jisim/bahan dan tenaga antara sistem tersebut dengan persekitarannya. Sistem tertutup pula ialah sistem yang ada perubahan tenaga dalam satu-satu sistem tetapi tiada perubahan atau keluar masuk jisim/bahan dengan persekitaran. Sistem terencil pula mempunyai sempadan tertutup yang tidak membenarkan jisim/bahan keluar atau masuk dengan persekitaran.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan lima peranan tenaga suria dalam aktiviti pertanian di kawasan tropika lembap. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak dapat memberikan jawapan yang betul. Kebanyakan calon menyentuh kepentingan tenaga suria dalam proses pertumbuhan pokok dan melakukan proses fotosintesis dan bukannya peranan tenaga suria terhadap aktiviti pertanian. Kata kunci bagi soalan ini ialah aktiviti pertanian. Calon sepatutnya menghuraikan peranan tenaga suria dalam aktiviti penyemaian, pembajaan, penyemburan racun serangga/rumpai, penuaian, dan pengeringan hasil.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menandakan dan menamakan lima buah plat pada peta dunia yang disediakan pada halaman 8 kertas soalan. Kebanyakan calon tidak dapat menandakan dan menamakan plat yang dikehendaki oleh soalan dengan tepat. Antara plat yang sepatutnya ditandakan dan dinamakan ialah Plat Eurasia, Plat Amerika Utara, Plat Pasifik, Plat Afrika, Plat Amerika Selatan, Plat Antartika, Plat IndoAustralia, Plat Artik, Plat Filipina, Plat Arab, Plat Carribean, Plat India, Plat Cocos, Plat Juan de fuca, Plat Nazca, dan Plat Scotia.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima faktor yang mempengaruhi bentuk kon gunung berapi. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti beberapa faktor sahaja, seperti sifat lava dan kekerapan letusan, dan faktor tersebut diuraikan secara berulang-ulang. Antara faktor yang perlu diuraikan oleh calon ialah sifat lava, kekuatan letusan, penutupan lohong, kekerapan letusan, usia gunung berapi, dan proses geomorfologi.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan lima kepentingan kawasan gunung berapi terhadap aktiviti manusia. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti aktiviti manusia dan mengaitkannya dengan gunung berapi. Namun demikian, calon tidak mengaitkan bahagian gunung berapi yang penting kepada aktiviti manusia. Antara jawapan yang sepatutnya ialah kawasan bercerun pemendapan lava bes sesuai untuk aktiviti pertanian, kawasan geiser dapat membekalkan tenaga geothermal, aktiviti pelancongan, tasik krater sesuai untuk aktiviti perikanan, pelancongan, dan akuakultur, kawasan kawah gunung berapi sesuai untuk aktiviti perlombongan dan pelancongan, dan kawasan sekitar gunung berapi sesuai untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta untuk aktiviti pendidikan.

Soalan 3

Calon diberikan pilihan untuk menjawab soalan 3(a) atau 3(b). Majoriti calon didapati memilih soalan 3(a).

Soalan (a)(i) menghendaki calon menyatakan empat cara hakisan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Walau bagaimanapun, ramai calon yang menjawab dengan huraian yang panjang lebar, sedangkan soalan hanya meminta calon menyatakan cara hakisan. Hal ini menyebabkan calon kesuntukan masa untuk menjawab soalan-soalan lain. Calon sepatutnya hanya menyatakan cara-cara hakisan secara ringkas, iaitu hidraul, geleran/lelasan/kikisan/geselan, lagaan, dan larutan.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan tiga faktor fizikal yang menyebabkan berlakunya hakisan sungai. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai calon yang menyatakan faktor fizikal bercampur dengan faktor manusia. Di samping itu, ramai calon yang mencampuradukkan huraian, seperti faktor kecerunan dikaitkan dengan isi padu air. Antara jawapan yang sepatutnya ialah faktor

kecerunan menyebabkan halaju air bertambah dan hakisan giat berlaku, faktor bentuk alur mempengaruhi jenis hakisan, iaitu alur yang lurus menyebabkan hakisan menegak atau mendalam manakala bentuk alur yang berliku menyebabkan hakisan melebar. Faktor jenis batuan juga mempengaruhi hakisan, iaitu batuan keras sukar dihakis yang akan membentuk alur V manakala batuan lembut senang dihakis yang akan membentuk alur U. Faktor muatan yang banyak/sedikit akan mempengaruhi proses geseran manakala bentuk/saiz bahan muatan akan mempengaruhi jenis hakisan. Faktor tiada halangan, seperti batuan/tumbuhan di tengah dan tebing sungai juga menggalakkan proses hakisan. Faktor isi padu air bertambah turut menyebabkan tenaga keupayaan bertambah dan seterusnya kawasan yang dihakis semakin meluas.

Soalan (a)(iii) menghendaki calon menghuraikan enam langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah hakisan sungai di Malaysia. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik. Walau bagaimanapun, calon tidak memperoleh markah penuh kerana menghuraikan beberapa langkah yang berada dalam satu jawapan yang sama. Contohnya langkah membina tebing konkrit, membina gabion, dan membina cerucuk adalah dalam satu langkah yang sama. Antara langkah yang perlu dihuraikan oleh calon ialah meluruskan/mendalamkan/melebarkan sungai, membina tebing konkrit/tembok/sangkar batu/gabion/cerucuk/benteng, membina empangan/lencongan sungai, pendidikan, kempen kesedaran, penguatkuasaan undang-undang, dan menanam tumbuhan.

Soalan 3(b) menghendaki calon memberikan jawapan berdasarkan kajian luar yang dijalankan di bahagian hilir sebatang sungai.

Soalan (b)(i) menghendaki calon memberikan maksud *luahan sungai*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya ialah isi padu air sungai yang mengalir melalui satu titik di aliran sungai pada suatu masa yang tertentu yang diukur dalam unit meter padu persaat (m^3/saat).

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghitung luahan sungai dengan menggunakan contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menghitung luahan sungai. Pelbagai bentuk dan teknik jawapan dikemukakan oleh calon, namun tidak menepati kehendak soalan. Untuk mendapat markah penuh, calon perlu memberikan satu formula dan dua hitungan, iaitu:

$$\begin{aligned} & \text{Halaju aliran (m/sa)at} \times \text{keratan sungai (m}^2\text{)} \\ &= \text{Halaju (0.1m/s)} \times \text{keratan rentas (5m}^2\text{)} \\ &= 0.5\text{m}^3\text{/saat} \end{aligned}$$

Soalan (b)(iii) menghendaki calon menghuraikan bagaimana aliran sungai dapat diukur dengan menggunakan contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Untuk mendapat markah penuh, antara jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti meletakkan objek yang boleh terapung di atas aliran sungai, menentukan jarak X (titik permulaan) dengan Y (titik penghujung aliran), mengambil masa pergerakan objek dari X ke Y. Jika jarak antara X dan Y ialah 10 meter dan masa yang diambil untuk objek bergerak dari X ke Y ialah 100 saat, maka $10/100 = 0.1 \text{ m/s}$.

Soalan (b)(iv) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor yang mempengaruhi halaju aliran sungai. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti faktor yang mempengaruhi halaju sungai. Namun demikian, ramai calon tidak dapat menghuraikan faktor tersebut dengan baik kerana calon mencampuraduk huraian faktor-faktor tersebut. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah huraian faktor yang dikemukakan. Antara jawapan yang sepatutnya ialah faktor kecerunan, iaitu curam atau landai, faktor isi padu air sungai, iaitu banyak atau sedikit, faktor halangan, iaitu ada atau tiada halangan, faktor muatan atau beban sungai, iaitu banyak atau sedikit, faktor bentuk alur sungai, iaitu lurus atau berliku, dan juga faktor aktiviti manusia, iaitu melombong, mengorek, membina empangan, serta membina jambatan. Calon sepatutnya menghuraikan perbezaan kesan halaju bagi setiap faktor yang dikemukakan.

Soalan (b)(v) menghendaki calon menyatakan empat bentuk muka bumi yang terbentuk daripada proses pemendapan sungai di kawasan kajian. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik walaupun masih ada calon yang memberikan jawapan bentuk muka bumi hasil daripada hakisan sungai. Antara jawapan yang sepatutnya ialah dataran banjir, tasik ladam, tetambak, pulau/kukup, beting pasir, dan delta.

Soalan (b)(vi) menghendaki calon menghuraikan tiga kepentingan bentuk muka bumi yang terbentuk daripada proses pemendapan sungai terhadap aktiviti manusia di kawasan kajian. Kebanyakan calon tidak dapat mengaitkan bentuk pemendapan sungai dengan aktiviti manusia. Sepatutnya calon merujuk jawapan soalan 3(b)(v) dan kemudian menyatakan aktiviti manusia yang sesuai bagi setiap bentuk muka bumi pemendapan tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya ialah dataran banjir sesuai untuk aktiviti pertanian, petempatan, industri, industri kecil dan sederhana (IKS), pelancongan, perikanan, dan sebagainya, tasik ladam sesuai untuk aktiviti akuakultur dan pelancongan, tetambak sesuai untuk penternakan, petempatan, serta pengangkutan, pulau/kukup sesuai untuk aktiviti pelancongan, rekreasi, dan perikanan, beting pasir sesuai untuk aktiviti perlombongan, rekreasi, dan perikanan, dan juga delta yang sesuai untuk aktiviti pertanian, petempatan, industri, IKS, pelancongan, perikanan, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *siklon tropika*. Umumnya, calon tidak dapat memberikan maksud siklon tropika dengan tepat. Terdapat calon yang memberikan huraian yang panjang lebar dan ada yang langsung tidak berkaitan dengan pembentukan siklon tropika. Antara jawapan yang sepatutnya ialah sistem pusat tekanan udara rendah yang kuat/ekstrem yang berlaku di atas permukaan laut di kawasan tropika (di utara 5° - 15° U/S Khatulistiwa) yang menghasilkan pergerakan angin kencang secara berputar.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat faktor yang menggalakkan pembentukan siklon tropika. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini menggambarkan ramai calon yang tidak memahami konsep siklon secara menyeluruh. Calon sepatutnya mengemukakan faktor berserta huraian faktor suhu, iaitu suhu air laut yang melebihi 26°C menggalakkan kejadian perolakan yang tebal dan seterusnya terbentuk tekanan udara rendah, faktor penjanaan tenaga haba yang banyak di lautan tropika, tekanan tinggi di daratan menyebabkan kecerunan yang menghasilkan pergerakan angin, terdapatnya daya koriolis, terdapatnya ricih/vector angin menegak yang minimum yang menggalakkan perkembangan edaran pada paksi menegak, faktor perubahan iklim yang menggalakkan pemanasan laut, dan juga faktor kelembapan tinggi yang menyebabkan sejatan tinggi, dan seterusnya menyebabkan kandungan wap air tinggi dan membekalkan tenaga haba yang banyak yang menggalakkan pembentukan siklon.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan enam kesan siklon tropika terhadap kehidupan manusia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana bentuk soalan ini yang lebih bersifat pengetahuan am, iaitu kerosakan dan kemusnahan harta benda, nyawa terkorban, kegiatan ekonomi terganggu, pengangkutan dan perhubungan terputus, penularan wabak penyakit, tekanan jiwa/trauma, kemusnahan infrastruktur, dan juga kemusnahan kawasan rekreasi/pelancongan.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *imbangan bahangan*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu jumlah bahangan yang diserap dengan jumlah bahangan yang dikeluarkan adalah sama.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga cara permukaan bumi memindahkan haba ke atmosfera. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kelemahan jawapan calon ialah calon

menerangkan pemindahan haba dari suria ke permukaan bumi, iaitu melalui cara serapan dan serakan. Antara jawapan calon yang sepatutnya ialah cara pembahangan, pengaliran haba, perolakan, haba pendam sejatan dan pemeluwapan, sentuhan, dan pantulan/pembalikan.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan enam impak perubahan iklim terhadap alam sekitar fizikal. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tidak ramai calon yang dapat menyatakan bentuk perubahan iklim terlebih dahulu dan kemudian mengaitkannya dengan kesan terhadap alam sekitar fizikal. Antara jawapan yang sepatutnya ialah kejadian kemarau telah menyebabkan berlakunya kebakaran hutan secara semula jadi, peningkatan proses luluhawa, dan sejatan meningkat. Perubahan iklim lain yang memberikan impak terhadap alam sekitar fizikal ialah kejadian banjir yang telah menyebabkan berlakunya tanah runtuh dan hakisan, peningkatan suhu telah menyebabkan kebakaran hutan, pencairan ais di kutub, sejatan meningkat, dan luluhawa. Peningkatan kejadian ribut/taufan telah memusnahkan flora dan fauna, kemusnahan habitat telah menyebabkan kepupusan flora dan fauna, penghijrahan fauna, serta peningkatan fenomena cuaca ekstrem telah menyebabkan berlakunya el-nino, la-nina, dan penggurunan.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *kitaran hidrologi*. Kebanyakan calon tidak memahami konsep kitaran hidrologi dengan tepat. Antara jawapan yang sepatutnya ialah suatu proses edaran air yang berterusan dalam pelbagai fasa yang bergerak dalam proses menegak (sejatan, kerpasan, dan resapan), dan proses mendatar (pemeluwapan, alir lintang, larian air permukaan dan larian air bawah tanah).

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan proses menegak yang berlaku dalam kitaran hidrologi dengan bantuan gambar rajah. Kebanyakan calon dapat melukis gambar rajah dan menghuraikan proses menegak dalam kitaran hidrologi dengan baik, iaitu proses sejatan, proses perpeluhan, proses kerpasan, proses resapan/infiltrasi/susupan, dan proses aliran batang/intersepsi.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan lima pengaruh lebihan air terhadap aktiviti manusia di kawasan tropika lembap. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik, iaitu lebihan air menyebabkan banyak aktiviti manusia terjejas, seperti aktiviti pertanian/peternakan/akuakultur, perlombongan, perhubungan/pengangkutan, pembalakan, perniagaan/IKS, pelancongan/rekreasi, perindustrian, dan aktiviti harian manusia turut terjejas.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *komponen autotrof*. Kebanyakan calon tidak memahami konsep komponen autotrof yang merupakan salah satu subtajuk dalam tajuk ekosistem. Antara jawapan yang sepatutnya ialah kumpulan organisme yang menggunakan cahaya matahari secara langsung untuk melakukan proses fotosintesis bagi membuat makanan sendiri.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan lima fungsi komponen autotrof dalam suatu ekosistem. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memberikan kepentingan semua komponen biotik, sedangkan calon sepatutnya menjelaskan fungsi autotrof sahaja. Antara jawapan yang sepatutnya adalah mengikat tenaga cahaya, membina bahan yang kompleks, memindahkan tenaga kepada pengguna, membekalkan nutrien kepada tanah, menghasilkan oksigen, menyederhanakan suhu, menyerap karbon dioksida, menyerap/menapis bahan pencemaran udara/bunyi, mengatur kitar air/hidrologi, dan habitat kepada hidupan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan lima cara bagaimana komponen autotrof dalam ekosistem daratan dapat dipengaruhi oleh aktiviti manusia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon sepatutnya menjelaskan bagaimana aktiviti manusia mempengaruhi komponen

autotrof, iaitu pertanian akan menghasilkan autotrof yang seragam/homogen, pembalakan menghasilkan autotrof sekunder, perlombongan menghasilkan autotrof sekunder, pembinaan petempatan mengakibatkan kepupusan autotrof, aktiviti pembinaan juga akan mengakibatkan autotrof musnah, ekopelancongan/rekreasi akan menyebabkan autotrof musnah/pupus, di samping hutan terpelihara, aktiviti penyelidikan akan memulihara hutan, dan juga aktiviti perindustrian akan menyebabkan pencemaran dan hujan asid.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga komponen biotik dalam suatu ekosistem. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu pengeluar, pengguna, dan pengurai.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima peranan tumbuhan dalam mempengaruhi proses geomorfologi di suatu kawasan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka menghuraikan peranan tumbuhan secara umum dan tidak fokus kepada proses geomorfologi. Ramai calon yang tidak memahami proses geomorfologi dan mengaitkan peranan tumbuhan dengan iklim, hidrologi, dan ekologi. Antara peranan tumbuhan yang mempengaruhi proses geomorfologi adalah mengurangkan hakisan, mengurangkan proses luluhawa, menggalakkan luluhawa, mengurangkan pergerakan jisim, menggalakkan pendedapan, dan mengurangkan pengangkutan beban.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan kesan penyahutan terhadap unsur cuaca di suatu kawasan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon mengaitkan kesan penyahutan dengan kejadian banjir lumpur, masalah hakisan, kemusnahan habitat, kepupusan flora dan fauna, dan sebagainya. Antara jawapan yang sepatutnya ialah peningkatan suhu, pengurangan kelembapan udara, halaju angin permukaan meningkat, penerimaan bahangan matahari bertambah, kekurangan kejadian hujan, pembentukan litupan awan, tekanan udara rendah, dan sejatpeluhan berkurangan.

KERTAS 942/2 (ALAM SEKITAR MANUSIA)

Komen am

Antara kelemahan yang terdapat dalam jawapan calon termasuklah:

- (a) Calon masih lemah dalam membuat perenggan, iaitu menggabungkan pelbagai isi dalam satu perenggan.
- (b) Calon gagal mengolah jawapan dengan baik walaupun mempunyai pengetahuan dan fakta yang cukup.
- (c) Calon tidak memahami kehendak soalan, khususnya soalan kajian luar.
- (d) Calon memberikan jawapan yang ringkas tanpa huraian dan contoh.
- (e) Calon hanya menyenaraikan jawapan bagi soalan nyatakan.
- (f) Calon menggunakan contoh geografi yang salah dan terhad.
- (g) Calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat.
- (h) Calon menulis jawapan yang berulang bagi isi utama.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *jangka hayat penduduk*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya ialah jangkaan (purata umur boleh hidup/usia kematian) penduduk (bermula lahir hingga mati) di sesebuah negara. Ia juga merujuk kepada (proses penuaan penduduk) yang biasanya mengambil kira (umur melebihi 60 tahun). Contohnya, berdasarkan banci tahun 2010, jangka hayat penduduk Malaysia adalah antara 70 hingga 76 tahun.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan enam faktor yang mempengaruhi peningkatan jangka hayat penduduk di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah penurunan kadar kematian, kemajuan perubatan moden yang telah memanjangkan jangka hayat penduduk, keberkesanan kawalan penyakit atau penguatkuasaan undang-undang, amalan pemakanan berzat dan seimbang, kesedaran penjagaan kesihatan, peningkatan kualiti hidup, persekitaran yang kondusif dan selesa, kestabilan politik, dan juga tiada bencana alam.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan lima kesan peningkatan jangka hayat penduduk terhadap aspek sosial dan ekonomi di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah nisbah tanggungan golongan bekerja semakin tinggi, pertambahan perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan perumahan atau kemudahan awam bagi warga tua, perbelanjaan konsesi perlu ditambah, pembayaran pencen akan bertambah, perbelanjaan kesihatan akan meningkat, sebagai sumber tenaga kerja, meningkatkan golongan miskin dalam negara, kemerosotan nilai murni masyarakat atau pengabaian terhadap warga tua, dan juga faktor sektor perkhidmatan sokongan atau pelaksana dipenuhi.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *migrasi antarabangsa*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah pergerakan/perpindahan/mobiliti/penghijrahan penduduk merentasi sempadan antarabangsa, sama ada antara negara atau antara benua dalam tempoh tertentu yang bersifat tetap/kekal/sementara.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan dua contoh aliran migrasi antarabangsa pada masa kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah migrasi antara negara, contohnya migrasi antara Indonesia ke Malaysia dan migrasi antara benua, contohnya migrasi antara Asia ke Eropah.

Soalan (c)(i) menghendaki calon menjelaskan lima faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi antarabangsa berdasarkan sebuah negara Asia Tenggara yang telah dikaji. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah faktor ekonomi, sosial, dasar kerajaan, geo politik, bencana alam, ketersampaian, dan juga faktor geo budaya.

Soalan (c)(ii) juga berdasarkan kajian terhadap sebuah negara Asia Tenggara. Calon dikehendaki untuk menghuraikan lima impak sosioekonomi yang dialami oleh negara yang dikaji itu sebagai akibat kemasukan migran antarabangsa. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, walaupun ramai calon mengulang isi yang sama. Antara jawapan yang sepatutnya ialah peningkatan masalah sosial, fenomena persetingganan, persaingan buruh dengan penduduk tempatan, persaingan aktiviti ekonomi dengan penduduk tempatan, pengaliran keluar wang negara, menjana pembangunan negara, meluaskan pasaran domestik, dan juga impak penyakit berjangkit.

Soalan 3

Soalan (a)(i) menghendaki calon melukis graf garis untuk menunjukkan purata bilangan penumpang sehari yang menggunakan setiap jenis perkhidmatan rel bandar di metropolis Kuala Lumpur dari tahun 2001 hingga tahun 2005 berdasarkan jadual yang disediakan. Kebanyakan calon dapat melukis graf garis dengan betul.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan sebab trend penggunaan perkhidmatan rel bandar semakin meningkat dalam kalangan penduduk metropolis Kuala Lumpur. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah dapat mengelakkan kesesakan, mengurangkan pencemaran, perkhidmatan yang disediakan berkualiti dan selesa, ketersampaian tinggi atau cepat dan

mudah sampai, menjimatkan kos atau tambang yang berpatutan, risiko kemalangan rendah, dan juga mendapat galakan daripada kerajaan.

Soalan (a)(iii) menghendaki calon menghuraikan tiga kesan perkembangan sistem pengangkutan darat terhadap alam sekitar fizikal di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang ditetapkan ialah menyebabkan pencemaran udara dan jerebu meningkat, pencemaran bunyi dan bau, hakisan tanah dan tanah runtuh, banjir dan banjir kilat, perubahan landskap fizikal, peningkatan suhu mikro, dan juga gangguan ekosistem.

Soalan 3(b) merujuk jadual jumlah keluasan tanaman di Malaysia pada tahun 2001 dan tahun 2004 yang disediakan.

Soalan (b)(i) menghendaki calon melukis graf bar yang sesuai untuk menunjukkan jumlah keluasan tanaman di Malaysia pada tahun 2001 dan tahun 2004. Kebanyakan calon dapat melukis graf dengan betul. Namun begitu, calon tidak melorek atau mewarnakan graf bar yang dilukis sebaliknya mereka hanya membulatkan, membintangkan, atau memberikan nombor pada setiap bar.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon mengenal pasti jenis tanaman yang mengalami peningkatan jumlah keluasan tanaman dan menjelaskan tiga faktor yang mempengaruhinya. Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, ramai calon yang tidak mengaitkan setiap isi yang dihuraikan dengan keluasan tanaman kelapa sawit. Antara jawapan yang sepatutnya ialah harga komoditi kelapa sawit yang mahal dan stabil, kelapa sawit mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara, fleksibiliti tanaman kelapa sawit berbanding dengan tanaman lain, faktor fizikal, iaitu seperti tanah yang subur dan sesuai, bentuk muka bumi yang beralun, iklim yang sesuai, galakan daripada kerajaan, khususnya oleh FELDA dan FELCRA, kecekapan pengurusan agensi pembangunan pertanian, iaitu FELDA dan FELCRA, perkembangan industri hiliran, iaitu permintaan bahan mentah berasaskan kelapa sawit, modal yang mencukupi, teknologi moden, dan faktor tenaga buruh yang ramai dan murah.

Soalan (b)(iii) menghendaki calon menghuraikan empat langkah yang boleh diambil untuk memajukan sektor pertanian di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah menaik taraf infrastruktur pertanian, program pertanian bersepadu, aplikasi teknologi dan teknik pertanian moden, penggunaan input pertanian moden, bantuan modal dan subsidi, khidmat nasihat dan latihan, memperbaiki struktur dan rangkaian pemasaran, memajukan Rancangan Pembangunan Wilayah Pertanian semula, memperkasakan agensi pembangunan pertanian, memajukan industri asas tani, dan juga galakan daripada kerajaan.

Soalan 4

Soalan 4 berdasarkan industri perkilangan di Malaysia.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan lima jenis produk untuk dieksport. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Antara jawapan yang dikehendaki ialah produk elektrik dan elektronik, produk automatik dan jentera, produk kimia, produk makanan dan minuman, produk tekstil dan pakaian, produk IKS, produk kayu, produk getah, produk kelapa sawit, produk mineral logam, produk mineral bukan logam, produk petroleum, dan juga produk perubatan.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima faktor yang menyebabkan kawasan Lembah Kelang, Pulau Pinang, dan Johor Bahru menjadi tumpuan industri perkilangan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini, namun calon tidak mendapat markah maksimum kerana huraian bagi setiap isi tidak mantap dan tidak terperinci. Antara jawapan yang sepatutnya ialah faktor sejarah perkembangan awal industri yang bermula tertumpu di kawasan ini, contohnya Lembah Kelang menjadi nukleus pembangunan industri perkilangan negara. Faktor-faktor lain ialah kelebihan aglomerasi atau pengelompokan, kemudahan asas

industri yang menjadi tarikan globalisasi, pambandaran, tenaga kerja, pasaran, kemajuan teknologi dan R&D, ketersampaian, lokasi strategik, dasar kerajaan, dan juga faktor sumber bahan mentah.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan kesan perkembangan industri perkilangan terhadap alam sekitar fizikal di kawasan perindustrian. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, namun ramai calon yang menjelaskan impak semasa pembukaan perindustrian dan bukannya berkaitan dengan kesan perkembangan perkilangan. Antara jawapan yang sepatutnya ialah pencemaran udara, jerebu, dan hujan asid, pemanasan setempat, pencemaran air, kemusnahan ekosistem akuatik, pencemaran bunyi dan bau, pencemaran sisa toksik yang berbahaya atau pencemaran tanah, dan juga pencemaran persekitaran atau sampah sarap.

Soalan 5

Soalan 5 merujuk negara Malaysia.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga contoh rancangan pembangunan wilayah. Kebanyakan calon dapat menyatakan contoh dengan betul, namun terdapat calon yang keliru kerana menyatakan FELDA dan FELCRA yang tidak termasuk dalam rancangan pembangunan wilayah.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana rancangan wilayah telah memajukan kawasan desa. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, namun ramai juga calon yang tidak dapat menghuraikan setiap isi dengan terperinci. Antara jawapan yang sepatutnya ialah rancangan pembangunan wilayah telah dapat memajukan infrastruktur desa, contohnya berjaya meningkatkan taraf hidup dan kualiti hidup penduduk desa, seperti mendapatkan bekalan air bersih, bekalan elektrik 24 jam, darjah ketersampaian dan komunikasi bertambah mudah dan cepat. Selain itu, rancangan pembangunan wilayah juga telah dapat membangunkan pertanian khusus dan bersepadu, dapat mewujudkan industri desa, dapat melaksanakan proses pambandaran di desa, mewujudkan pusat pertumbuhan desa, dan juga dapat melaksanakan program pembangunan sosial desa.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan lima kesan negatif rancangan pembangunan wilayah terhadap alam sekitar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah menyebabkan perubahan landskap fizikal, berlakunya hakisan tanah dan gerakan jisim, gangguan ekologi setempat, gangguan hidrologi setempat, pemanasan setempat, pencemaran air dan tanah, pencemaran udara, dan juga memberikan kesan kepada kesihatan penduduk desa.

Soalan 6

Soalan 6 berdasarkan kajian lapangan yang telah calon laksanakan di sebuah bandar kecil atau bandar sederhana.

Soalan (a) menghendaki calon menamakan bandar tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik namun demikian terdapat calon yang salah menjawabnya kerana menamakan bandar besar, seperti Kota Bharu.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan dua ciri fizikal yang menjadi tapak bina bandar tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan ciri fizikal dengan betul. Antara jawapan yang sepatutnya ialah dataran pantai, teluk, tanah pamah rata atau landai, tanah pamah beralun, tanah tinggi, tebing sungai, pertemuan sungai, tanjung, delta, kaki bukit, lembah atau dataran banjir, dan muara.

Soalan (c) menghendaki calon mengenal pasti dua fungsi utama bandar tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diterima ialah pusat pentadbiran daerah/bahagian/mukim, pusat pengedaran, pusat pasaran produk setempat, pusat pekerjaan penduduk, pusat

kesihatan kepada penduduk setempat, pusat kewangan, pusat perniagaan, pusat perkhidmatan sosial, pusat perkhidmatan perniagaan, pusat pelancongan, pusat perindustrian, pusat perhubungan/telekomunikasi dan penyebaran maklumat, pusat penyelidikan dan pembangunan, serta pusat rekreasi dan sukan.

Soalan (d) menghendaki calon menghuraikan dua kaedah yang telah calon gunakan untuk memperoleh maklumat bagi mengenal pasti fungsi yang dijalankan oleh bandar tersebut. Kebanyakan calon dapat memberikan dua kaedah yang dikehendaki soalan, tetapi huraian yang diberikan tidak mantap dan tidak terperinci. Antara jawapan yang sepatutnya ialah kaedah pemerhatian atau pencerapan, iaitu memerhati pelbagai jenis kegiatan sosioekonomi, mencerap aktiviti melalui gambar foto, merekod dalam buku catatan, dan menyediakan senarai semak. Kaedah lain yang perlu diuraikan dengan terperinci ialah soal selidik atau kaji selidik, temu bual mendalam, dan rujukan maklumat sekunder atau data sedia ada.

Soalan (e) menghendaki calon menghuraikan lima cara fungsi bandar yang telah dikaji itu dapat memajukan kawasan desa di sekitarnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, namun kebanyakannya tidak memberikan contoh yang bersifat lokaliti dan spesifik, contohnya nama sekolah, nama desa, nama kedai, dan sebagainya. Antara jawapan yang sepatutnya adalah dengan menyelaraskan projek pembangunan infrastruktur desa, iaitu agensi kerajaan yang sedia ada seperti Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah, Jabatan Bekalan Air, dan Tenaga Nasional Berhad berperanan untuk menyalurkan dan menyelaraskan rancangan pembangunan desa di sekitarnya, pelbagai projek infrastruktur, seperti menaikkan taraf jalan kampung, pembinaan jeti, bekalan air bersih, bekalan elektrik, dan sebagainya. Antara jawapan yang lain adalah menyediakan atau membekalkan barangan keperluan penduduk, menyediakan pasaran kepada produk desa, menyediakan sumber pekerjaan kepada penduduk desa, menyediakan peluang pendidikan menengah dan pasca menengah, menyediakan kemudahan kesihatan kepada penduduk, menyediakan sistem dan rangkaian pengangkutan, membekal perkhidmatan sosial kepada penduduk, menyediakan pusat pembauran inovasi dan teknologi moden, menyediakan perkhidmatan pentadbiran kepada penduduk desa, dan juga menyediakan kemudahan kredit kepada penduduk.

Soalan (f) menghendaki calon menghuraikan tiga impak pembandaran terhadap alam sekitar fizikal di bandar tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikehendaki ialah pencemaran udara dan jerebu, pencemaran air, pencemaran bau dan bunyi, pemanasan setempat (pulau haba bandar), banjir kilat dan banjir lumpur, hakisan tanah serta tanah runtuh, dan kerosakan ekosistem.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menamakan tiga contoh pakatan ekonomi serantau. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya ialah Segi Tiga Pertumbuhan (IMT-GT, IMS-GT, dan EAGA-BIMP), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Kerjasama Ekonomi Asia – Eropah (ASEM), Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEC), Kesatuan Eropah (EU), dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima faktor yang menyebabkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditubuhkan. Kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan setiap isi dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya adalah dengan adanya aliran perdagangan intra ASEAN, faktorimbangan perdagangan, pasaran, tekanan atau ancaman globalisasi ekonomi, persaingan, kos berbanding, dan juga bekalan barangan.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan enam faedah yang diperoleh Malaysia daripada AFTA. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faedah kepada pengguna ialah harga barangan lebih murah dan menguntungkan pengguna, pilihan barangan lebih banyak kepada pengguna, dapat menjana peluang pekerjaan melalui peningkatan aktiviti ekonomi (kesan pengganda). Faedah kepada pengusaha pula ialah keuntungan pengkhususan aktiviti pengeluaran, keuntungan pembangunan teknologi, R&D, dan kepakaran. AFTA juga memberikan faedah kepada perkembangan ekonomi Malaysia (ekonomi makro), iaitu meningkatkan aliran perdagangan, perluasan pasaran, mengurangkan tekanan globalisasi ekonomi yang dihadapi Malaysia, dan juga kemasukan pelabur asing.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga aktiviti ekonomi primer yang dapat memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar di Malaysia. Kebanyakan calon hanya menyenaraikan aktiviti primer tersebut tanpa memberikan huraian. Antara jawapan yang sepatutnya ialah pertanian, iaitu pertanian pindah, pembalakan tanpa kawalan, penggunaan pukut tunda, pembuangan dan penyaliran najis ternakan tanpa kawalan dalam aktiviti penternakan, dan juga kaedah korek dalam aktiviti perlombongan pasir dan kuari.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan enam kesan negatif salah satu aktiviti pertanian dalam soalan (a) terhadap kualiti alam sekitar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bagi aktiviti pertanian, antara kesannya ialah perubahan landskap fizikal, hakisan tanah runtuh dan kegagalan cerun, pencemaran air, pemanasan setempat, gangguan ekologi, gangguan hidrologi, pencemaran udara, pencemaran bau dan bunyi, tanah tandus yang menyebabkan kesuburan tanah terjejas, dan juga banjir lumpur.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan lima langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kesan negatif aktiviti ekonomi primer yang telah dijelaskan dalam soalan (b). Soalan ini berkait rapat dengan soalan (b), iaitu langkah mesti relevan dan tepat dengan kesan yang dijelaskan dalam (b) dan amat bergantung kepada jenis aktiviti ekonomi primer yang dipilih. Kebanyakan calon dapat menghuraikan langkah perundangan dan bukan perundangan dengan baik, iaitu bagi langkah perundangan, antara huraian ialah pelaksanaan akta/enakmen/peraturan khususnya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perhutanan Negara, Akta Perikanan, dan enakmen-enakmen lain yang berkaitan. Bagi langkah bukan perundangan, iaitu amalan pengurusan yang strategik, antaranya ialah langkah kestrukturatan atau kejuruteraan, amalan pemeliharaan, dan amalan pemuliharaan. Langkah bukan perundangan yang lain ialah kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar, contohnya kempen kesedaran melalui slogan dan aktiviti kemasyarakatan memelihara dan memulihara sumber alam.